

**PENILAIAN TERHADAP MODUL PEMBELAJARAN PENGIKLANAN  
(MPP) DI POLITEKNIK PORT DICKSON**

NOR RIZAN BT MOHD IDRIS

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional)

Fakulti Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

Buku ini didedikasikan dengan kasih sayang kepada insan yang istimewa telah  
menjadi sumber inspirasi dalam hidup ini

Terutamanya...

**Ayah, mak dan keluarga  
serta anak-anak saudara yang dikasihi.**



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya saya telah dapat menyiapkan satu Projek Sarjana PTV II (MTT 2804) yang bertajuk 'Penilaian Terhadap Modul Pembelajaran Pengiklanan di Politeknik Port Dickson' pada masa yang ditetapkan.

Jutaan terima kasih saya diucapkan kepada pembimbing saya iaitu Encik Ahmad bin Esa yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan projek sarjana ini.

Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson iaitu Encik Kharir bin Ibrahim yang telah memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan di politeknik tersebut, Puan Sofiah bt Sobi yang membenarkan saya 'meminjam' kelasnya untuk satu tempoh tertentu dan juga pelajar-pelajar semester tiga Diploma Pemasaran sesi 2001/02 di Politeknik Port Dickson yang telah banyak membantu dan memberi kerjasama bagi menghasilkan Projek Sarjana II ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada rakan-rakan seangkatan dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini.

Sekian, terima kasih

## ABSTRAK

Kajian ini menggunakan modul pembelajaran sebagai penilaian terhadap gaya pembelajaran. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap modul pembelajaran, mengetahui kewujudan perbezaan pencapaian markah pelajar sebelum dan selepas guna modul, mengetahui suasana sebenar menggunakan modul dan mendapatkan maklum balas pensyarah terhadap modul yang dihasilkan. Kajian telah dijalankan ke atas para pelajar Diploma Pemasaran daripada Politeknik Port Dickson. Responden terdiri daripada 42 orang pelajar semester tiga yang sedang mengikuti mata pelajaran Pengurusan Promosi pada sesi 2001/02. Kajian ini melaporkan hasil kajian yang diperolehi dalam mata pelajaran ini di bawah tajuk pengiklanan. Penilaian modul ini dilakukan ke atas pelajar, pensyarah dan penyelidik sendiri dengan menggunakan kaedah borang soal selidik, pemerhatian, teknik pengujian dan temu bual. Dua pendekatan digunakan untuk mendapatkan data iaitu kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan untuk menganalisis data bagi mendapatkan persepsi pelajar terhadap modul pembelajaran ini. Sementara itu, teknik pengujian bagi pra-ujian dan pos-ujian dilakukan untuk menguji kefahaman dan penguasaan pembelajaran pelajar berdasarkan skor markah yang diperolehi. Pendekatan kualitatif pula digunakan untuk mendapatkan data melalui pemerhatian dan temubual secara bersemuka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar dan pensyarah memberi maklum balas yang positif terhadap penerimaan kaedah pengajaran bermodul yang digunakan. Telah dikenal pasti beberapa cadangan terhadap modul pembelajaran yang dihasilkan untuk perbaikan dan kajian lanjut akan datang.

## ABSTRACT

This study uses learning module as an evaluation of the learning behavior. The purpose of this study is to identify students' reception towards the learning module, the effects on the students' marks before and after adopting the module, observe the actual scenario during implementation and to gather feedbacks from lecturers on the learning module introduced. This study was applied to Diploma in Marketing's student from Polytechnic Port Dickson. Respondents for this research comprised of 42 students from DPR who took the subject of promotion management for the 2001/02 session. The finding of this study was reported in this subject under the topics of advertising. The students, lecturers of the polytechnic and researcher were involved in assessing the module by answering questionnaires, observation, testing technique and interviewing. The two approaches used to collect the data are quantitative and qualitative. The quantitative approach was used to analyze the data obtained in order to determine the students' perception towards the module. Meanwhile, the testing technique of pre-test and post-test was used to gauge the students' knowledge and their understanding in module learning based on the score marks obtained. Qualitative approach was used to collect the data through observations and interviews. These data were collected from respondents' behavior and structural interviews conducted with lecturers. The result of this study shows that the students and lecturers agreed and gave a positive perception on the learning module. There were several proposals made towards the learning module for improvement and future research.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv

### BAB I

#### PENDAHULUAN

<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Soalan Kajian	7

1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Kerangka Teori	8
	1.6.1 Huraian Kerangka Teori	8
1.7	Hipotesis Kajian	10
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Skop Kajian	12
1.10	Definisi Istilah dan Operasional	13

## BAB II SOROTAN PENULISAN

### BAB II      SOROTAN PENULISAN

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Kaedah-kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	16
2.3	Konsep dan Definisi Modul	18
2.4	Ciri-Ciri Pengajaran dan Pembelajaran Modul	20
2.5	Tujuan Pembelajaran Bermodul	22
2.6	Kepentingan Pengajaran Pembelajaran Bermodul	23
	2.6.1 Kebaikan Kepada Pelajar	24
	2.6.2 Kebaikan Kepada Pendidik	26
2.7	Perbandingan Antara Pengajaran Tradisional Bermodul	27
2.8	Kajian Lepas	30
2.9	Kesimpulan	31

## BAB III METODE KAJIAN

### BAB III      METODE KAJIAN

3.1	Pendahuluan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33
3.3	Sumber Data	34
	3.3.1 Data Primer	34
	3.3.2 Data Sekunder	35
3.4	Populasi Kajian	35
3.5	Instrumentasi Kajian	36
	3.5.1 Bahagian Soal Selidik	36
	3.5.2 Soalan Pra-ujian dan Pos-ujian	38
	3.5.3 Pemerhatian	39
	3.5.4 Bahagian Senarai Semak	39
3.6	Kajian Rintis	39
	3.6.1 Modul	40
	3.6.2 Borang Soal Selidik	40
	3.6.3 Prosedur Kajian Rintis	40
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	41
3.8	Prosedur Kajian	43
3.9	Kaedah Analisis Data	45
3.10	Batasan Kajian	47
3.11	Andaian Kajian	47



## BAB IV REKA BENTUK PRODUK

### BAB IV REKA BENTUK PRODUK

4.1	Pendahuluan	48
4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	48
	4.2.1 Aktiviti Dijalankan Sepanjang Penghasilan Modul	50
4.3	Objektif Modul Dihasilkan	51
4.4	Kandungan MPP	51
4.5	Reka Bentuk Modul	54
	4.5.1 Bentuk dan Ciri-Ciri Modul	54
	4.5.2 Proses Pembentukan Modul	55
4.6	Panduan Menggunakan MPP Untuk P&P	56
4.7	Bahan, Kos dan Jadual	57
4.8	Prosedur Penggunaan MPP	59
4.9	Permasalahan Dalam Membina Modul	61
4.10	Kelebihan dan Batasan MPP	62
	4.10.1 Kelebihan-Kelebihan	62
	4.10.2 Batasan-Batasan	63
4.11	Penilaian Produk	64
4.12	Kesimpulan	65

## BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN

### BAB V ANALISIS DATA DAN DAPATAN

5.1	Pendahuluan	66
5.2	Analisis Data	67
	5.2.1 Analisis Data Berdasarkan Borang Soal Selidik	67

5.2.1.1	Analisis Data Bahagian A	67
5.2.1.2	Analisis Data Bahagian B	68
5.2.2	Analisis Data Berdasarkan Temu Bual	80
5.2.2.1	Penilaian Tenaga Akademik Terhadap Penghasilan Modul	80
5.3	Rumusan	84

## BAB VI

### KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

#### BAB VI KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

6.1	Pendahuluan	85
6.2	Kesimpulan Hasil Kajian	86
6.2.1	Kesimpulan Hasil Kajian Penerimaan Terhadap MPP Dari Aspek Isi Kandungan, Mesra Pengguna Dan Kebolehlaksanaan.	86
6.2.2	Rumusan Kajian	90
6.2.3	Kesimpulan Hasil Kajian Terhadap Kewujudan Perbezaan Pencapaian Markah Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Modul Bagi Menentukan Kebolehlaksanaan MPP	90
6.2.4	Kesimpulan Hasil Kajian Mengenal Situasi Sebenar Pembelajaran Menggunakan Modul	91
6.2.5	Kesimpulan Hasil Kajian Maklum Balas Tenaga Akademik Terhadap Modul Yang Dihasilkan	93
6.2.6	Rumusan Pengujian Modul	94
6.3	Cadangan	95
6.3.1	Kajian Akan Datang	95
6.3.2	Pembaikan Modul	96

6.3.3 Berdasarkan Dapatan Penyelidik	97
6.4 Penutup	98
RUJUKAN	99
LAMPIRAN	
Lampiran A - J	102 – 146
Lampiran Borang JPTV Projek Sarjana I Dan II	



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Populasi responden	36
3.2	Skala pemeringkatan Likert	37
3.3	Spesifikasi item instrumen	38
3.4	Tafsiran min	45
4.1	Unit-unit dalam tajuk pengiklanan	51
4.2	Carta gant penghasilan produk pada semester 1 sesi 2001/02	58
5.1	Kekerapan dan peratusan latar belakang responden	68
5.2	Analisis deskriptif persepsi terhadap MPP dari segi isi kandungan	69
5.3	Analisis deskriptif persepsi terhadap MPP dari segi mesra pengguna	72
5.4	Analisis deskriptif persepsi terhadap MPP dari segi kebolehlaksanaan	74
5.5	Analisis deskriptif min markah ujian dan nilai signifikan	77


**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Keberkesanan pengajaran bermodul	9
2.1	Pengelasan sumber pengajaran pembelajaran	17
3.1	Prosedur kajian pelaksanaan modul pembelajaran	44
4.1	Kerangka teori penghasilan modul	49
4.2	Proses pembentukan MPP	56
4.3	Perlaksanaan proses MPP	60



## SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Silibus mata pelajaran Pengurusan Promosi	102
B	Borang soal selidik	106
C	Kesahan isi instrumen modul	111
D	Analisis Kebolehpercayaan	113
E	Gambar foto MPP	115
F	Ringkasan pemprosesan data	116
G	Jadual Ujian -T	138
H	Taburan normal pra-ujian dan pos-ujian serta markah pencapaian pelajar	139
I	Senarai semak soalan	142
J	Surat kebenaran mendapat maklumat	146



PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini. Perkembangan ini telah membawa perubahan dalam pendidikan yang mencorakkan masyarakat maju berasaskan kemajuan sains, teknologi dan kemanusiaan. Sehubungan dengan perkembangan teknologi ini telah memberi kesan sehingga lahirnya pendidikan berteknologi yang berfungsi membaiki kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) di institusi-institusi pengajian tinggi mahupun di sekolah-sekolah. Pembaharuan ini telah memberi nafas baru dalam bidang pendidikan yang memberi kesan positif kepada pembinaan bangsa dan negara. Oleh itu timbulnya pengertian pengajaran berteknologi memberi peluang pembelajaran menjadi lebih dinamis, yang membawa satu dimensi baru dalam proses P&P di Institusi Pengajian Tinggi.

Teknologi pendidikan jika dilihat pengertian dan konsep kebanyakannya mengangap dan menyamakan dengan takrifan peralatan, perkakasan serta alat bantu mengajar bagi P&P yang berorientasikan alat semata-mata. Kekeliruan terhadap konsep dan pengertian ini menyebabkan proses perkembangan P&P terhalang. Sebenarnya teknologi pendidikan bukan hanya tertumpu kepada peralatan dalam pengajaran serta penggunaannya sahaja tetapi lebih daripada itu termasuk proses

P&P yang memberi manfaat, mengembirakan, menyeronokkan dan bertimbang rasa (Abd. Rahman, 1999).

Walaupun pengertian teknologi dan pendidikan tidak menekankan kepada peralatan, alat atau perkakasan tetapi secara ringkasnya sebagai suatu sistem yang meliputi perkakasan, bahan, teknik, organisasi, pengetahuan dan ketrampilan. Ini dihasilkan melalui proses penggunaan akal secara sistematik dan terancang untuk mendapatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pendidikan masa kini, proses P&P tidak akan berlaku tanpa penglibatan teknologi berpendidikan.

Menurut Stakenas, Robert, Kaufman dan Roger dalam Abd. Rahman (1999) teknologi pendidikan merupakan arah pemikiran bagaimana matlamat pendidikan boleh dicapai oleh pelajar melalui pemilihan strategi pengajaran dan media. Proses ini menentukan keseluruhan fungsi dan bahan-bahan yang diperlukan bagi mencapai matlamat tertentu pendidikan. Semua aktiviti dan bahan digabungkan dan diselenggarakan secara berkesan di dalam pendidikan. Oleh itu, teknologi pendidikan boleh didefinisikan sebagai proses perancangan dan perkembangan yang diintegrasikan dengan nilai budaya bersama-sama mempraktikkan bahan-bahan pengajaran ke arah pencapaian matlamat pendidikan.

Dalam teknologi pendidikan diutamakan penggunaan media dan kaedah serta penggunaan persekitaran pelajar untuk menghasilkan pembelajaran. Oleh itu, pendekatan sistem dalam P&P adalah suatu perancangan pengajaran yang baik digunakan dan mempunyai perhubungan rapat dengan persekitaran pelajar. Pendekatan sistem merupakan satu ikhtiar mengubahsuaikan persekitaran pelajar, agar pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan. Inilah yang dimaksudkan dengan pendekatan sistem dalam teknologi pengajaran yang berhubung kait dengan teknologi pendidikan (Sharifah Alwiah, 1987).

Tujuan pengajaran berteknologi adalah untuk melahirkan suatu pengajaran yang berkesan iaitu mengajar secara keseluruhan dengan menggunakan kaedah yang



sistematik, penerapan dan evolusi proses belajar bagi mencapai objektif pembelajaran. Ini termasuklah perancangan dalam sistem pengajaran yang menggunakan peranan modul sebagai alat bahan bantuan pembelajaran dalam bidang pendidikan. Keistimewaan penciptaan modul ini telah memuatkan segala maklumat bagi menyenangkan pembelajaran murid dan menjadikan pengajaran guru lebih berkesan seterusnya menghasilkan para pelajar yang cemerlang (Abd Rahim, 1999).

Sebenarnya, kaedah pembelajaran bermodul merupakan strategi P&P yang berpusatkan bahan pelajaran. Pengajaran berasaskan modul ini melibatkan tiga komponen utama iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian semasa proses P&P dijalankan. Bahan berpandukan modul ini mengandungi isi kandungan mata pelajaran serta tindakan-tindakan dan aktiviti-aktiviti yang digunakan untuk pembelajaran pelajar. Modul juga dikatakan bertujuan untuk 'memperkayakan' bahan pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran pada masa yang sama berfungsi sebagai alat bahan bantu mengajar bagi menyokong sesi pembelajaran (Sharifah Alwiah, 1987).

Secara ringkasnya, dengan menggunakan teknologi pendidikan sesuatu pengajaran itu dapat dirancang, dilaksanakan dan diperbaiki supaya pembelajaran pelajar itu menjadi lebih baik dan berkesan.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Setiap pensyarah perlulah menyampaikan pengajaran yang berkesan sebelum memulakan pengajaran. Pensyarah perlulah mengetahui secara mendalam isi kandungan pelajaran yang hendak diajar serta mengetahui kaedah, teknik dan cara pendekatan yang terbaik. Kemahiran dalam pengajaran amatlah mustahak kerana di sinilah bermulanya cara penyampaian idea kepada pelajar secara tidak langsung membina aliran fikiran serta menimbulkan minat mereka dan memberikan penumpuan terhadap aktiviti pengajaran yang dijalankan. Oleh itu, kekreatifan

seseorang pensyarah dalam menyampaikan bahan pengajaran dapat memotivasikan pelajar, juga meningkatkan daya fikiran mereka ke arah cara berfikir yang lebih kritis (Omardin Ashaari, 1999).

Menurut Lask dalam Mizan (1998) selain daripada risau dan takut, tekanan, nakal dan tidak jujur, masalah berkaitan dengan pembelajaran di sekolah juga antara masalah yang biasa di hadapi oleh murid. Sementara Mooney pula telah menyenaraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid antaranya ialah masalah kurikulum dan kaedah pengajaran.

Menurut Mizan (1998) lagi, murid-murid yang dikaji tidak melihat sekolah atau guru sebagai masalah, tetapi terdapat beberapa faktor yang dilihat mendatangkan masalah utama kepada mereka, iaitu pengajaran guru yang sangat sukar untuk difahami. Sebanyak 67.4% menyatakan keadaan pengajaran yang sukar difahami ini menjadi masalah kepada mereka iaitu terpaksa belajar mata pelajaran yang mereka benci. Kesukaran belajar akan berkurangan sekiranya guru itu mahir mewujudkan hubungan baik dengan murid dan ini akan melahirkan suasana belajar yang ceria dan pembelajaran bertambah mudah. Dengan usaha ini, pemilihan media alat bantu mengajar melalui teknik pengajaran atau pembelajaran bermodul akan menjadi satu alat penguhan dalam proses penyampaian P&P. Pelbagaian kaedah dan cara dalam penyampaian pensyarah itu akan menarik minat murid serta menambahkan rangsangan dalam sesi pembelajaran.

Penggunaan modul menurut Sharifah Alwiah (1987) menjadikan penyampaian dalam pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Ini kerana segala maklumat yang terkandung dalam modul adalah lengkap merangkumi objektif pembelajaran dan aktiviti-aktiviti atau gerak kerja untuk pembelajaran pelajar. Melaluinya latihan yang cukup serta pendedahan mengenai konsep, kemahiran dan sebagainya menjadikan pembelajaran semakin kukuh. Keberkesanan tiap-tiap modul yang dibentuk boleh dilihat melalui pemilihan media yang digunakan. Penggunaan media seharusnya dirancang dengan rapi dan menjadi pelengkap kepada modul tersebut dan bukan sebagai tambahan mengikut keperluan.

Menurut Razali Nor (1994) segala aktiviti pembelajaran yang akan dilaksanakan memerlukan gabungan beberapa kaedah pengajaran dalam modul. Ini supaya kaedah dan media boleh membangkitkan minat serta memenuhi keperluan pelajar. Walau bagaimanapun dalam pemilihan bahan pengajaran seperti media dan alat bantu mengajar, kesesuaian bahan pengajaran tersebut adalah perlu bagi mengelakkan kesilapan dan kelemahan semasa pengajaran serta memperbaiki kefahaman dan kemahiran pelajar yang diajar. Ini bagi menjamin pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran yang sempurna.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Perlaksanaan modul pengajaran atau pembelajaran adalah bertujuan menghasilkan keberkesanan dalam aktiviti P&P yang dijalankan. Oleh itu, pengubahsuaian di dalam perancangan mengajar diperlukan bagi menambah kemahiran dan mencapai objektif sebenar pembelajaran. Berdasarkan penyelidikan oleh Shaharom dan Yap (1991) pengajaran bermodul dapat memenuhi keperluan para pelajar hari ini lebih baik daripada pengajaran tradisional sama ada dari segi mata pelajaran dan juga kandungan. Selaras dengan teknologi maklumat yang sedang pesat, menurut mereka pengajaran bermodul merupakan pilihan terbaik kini dalam usaha mengindividukan pengajaran iaitu sebagai satu bahan pembelajaran individu walaupun untuk kegunaan bilangan murid yang ramai.

Menurut Postlethwait dan Russell (1971) dalam Shaharom dan Yap (1991) jika dibandingkan dengan pengajaran tradisional (biasa) bahan-bahan yang digunakan seperti buku teks biasanya dilakukan dalam urutan atau meliputi bidang yang luas dan tidak melibatkan para pelajar semasa di peringkat penghasilannya. Begitu juga aktiviti pengajaran yang digunakan banyak berbentuk kuliah dan kerja menulis. Penggunaan buku teks perlu digantikan dengan menunjukkan bahan-bahan tertentu supaya menarik perhatian pelajar terhadap tajuk yang dibincangkan dalam kelas. Ini secara langsung mewujudkan motivasi pelajarnya serta pembelajaran dan pengajaran akan bertambah seronok.

Mengikuti pengajaran tradisional, guru mengambil peranan aktif sebagai penerang manakala pelajar pula menjadi pendengar yang pasif. Hubungan sebegini mungkin boleh menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kurang berkesan. Mengikuti S. Sukumaran (1992) dalam Chee (1996), kaedah pengajaran guru Perdagangan di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) masih ada kekurangan iaitu ketiadaan kepelbagaian atau variasi dalam pengkaedahan. Oleh itu, kaedah pengajaran berbentuk penerangan atau '*the chalk and talk method*' perlu ditolak. Ini menyebabkan penglibatan dan interaksi yang aktif di kalangan murid amat terhad sekali.

Sehubungan itu, pengajaran tradisional perlu diganti kepada pengajaran yang menggunakan alat media teknologi di kalangan guru atau pensyarah. Menurut Day dan Scholl (1987) dalam Mohd Sarif (1994) mengatakan guru atau pensyarah itu sendiri kurang menggunakan peralatan moden kerana mereka nampak penghalangnya. Ini menyebabkan bahan pengajaran tidak diurus dengan sempurna seperti penyusunan tidak teratur dan tidak berkeadaan baik. Berita Harian pada 24 Oktober 1998 ada melaporkan di bawah tajuk "Media masih kurang digunakan". Ini bermaksud amat sukar hendak kita temui di sekolah bahan pengajaran individu seperti modul pengajaran sendiri dan pengajaran terancang. Oleh kerana kekurangan penggunaan bahan media dalam pengajaran, dengan itu pengajaran atau pembelajaran bermodul telah diperkenalkan bagi memudahkan kefahaman dalam pembelajaran serta mempelbagaikan aktiviti P&P dalam bilik darjah.

Untuk melihat aspek ini dengan lebih dekat lagi, tinjauan perintis telah dijalankan melalui hasil Modul Pembelajaran sebagai alat peneguhan pembelajaran bagi pelajar yang sedang mengikuti kursus Diploma Pemasaran untuk mata pelajaran Pengurusan Promosi (kod mata pelajaran P-345). Modul ini diharapkan dapat memberi penjelasan yang jelas mengenai konsep pembelajaran individu, iaitu ke arah mengembangkan potensi individu pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran.

Berdasarkan penyelidikan yang telah dibuat, didapati belum ada lagi modul digunakan sebagai teks utama atau sebagai bahan sokongan pembelajaran khusus

untuk mata pelajaran Pengurusan Promosi bagi pelajar kursus perdagangan di Politeknik Port Dickson (PD). Oleh itu, penyelidik telah memilih topik Pengiklanan pada Bab 3 untuk dimodulkan kerana penyelidik dapati skop yang diliputi tidak terlalu meluas. Menurut Meyer, 1979 dalam Shaharom (1992) menyatakan bagi penyediaan sesuatu modul cuba elakkan memilih topik yang panjang kandungannya untuk dimodulkan kerana akan kurang berkesan. Oleh itu, setelah mempertimbangkan kesesuaian kandungan, penyelidik memilih tajuk ini yang tidak terlalu kompleks untuk dimodulkan. Untuk mereka bentuk modul ini, penyelidik telah menemu bual beberapa orang pensyarah mata pelajaran yang berpengalaman untuk mendapatkan situasi sebenar pelajar dengan perkaitan yang dilaksanakan.

Modul yang sudah siap itu terlebih dahulu diuji penggunaannya kepada pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (PTV) di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) iaitu bekas-bekas pelajar yang pernah mengambil mata pelajaran ini. Setelah diuji, pembetulan dibuat supaya modul itu mencapai objektifnya. Oleh itu, penyelidik mengharapkan penerimaan pelajar dengan menggunakan kaedah ini.

#### 1.4 Soalan Kajian

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian di bawah:

- a. Adakah para pelajar boleh menerima modul pembelajaran yang dihasilkan ini?
- b. Adakah wujud perbezaan pencapaian markah pelajar sebelum dan selepas menggunakan modul bagi menentukan kebolehlaksanaan modul ini?
- c. Bagaimanakah situasi sebenar pembelajaran dengan menggunakan modul ini?
- d. Bagaimanakah maklum balas tenaga akademik terhadap modul yang dihasilkan ini?

## 1.5 Objektif Kajian

Objektif secara khusus bagi tujuan kajian ini dibuat adalah seperti berikut :

- a. Menenal pasti penerimaan pelajar terhadap Modul Pembelajaran Pengiklanan (MPP).
- b. Menenal pasti kewujudan perbezaan pencapaian pelajar sebelum dan selepas menggunakan pembelajaran modul bagi menentukan kebolehlaksanaan modul ini.
- c. Menenal pasti suasana sebenar pembelajaran dengan menggunakan modul ini.
- d. Menenal pasti maklum balas tenaga akademik terhadap modul yang dihasilkan.

## 1.6 Kerangka Teori

### 1.6.1 Huraian Kerangka Teori

Kerangka teori yang dibina ini adalah berdasarkan kepada pembelajaran yang dicadangkan oleh Bloom (1968) dalam Shaharom (1992), iaitu menggunakan teknik penilaian dalam pengajaran. Teknik penilaian ini digunakan menekankan kepada penilaian berterusan terhadap pembelajaran bermodul.


Dari segi pembelajaran, penilaian berterusan yang dibuat untuk lihat tahap pencapaian pelajar terhadap penguasaan bahan pembelajaran pada setiap modul. Ini membantu para pelajar mengetahui kebolehan mereka dalam modul tertentu serta memperbaiki prestasi dari semasa ke semasa.

Berdasarkan Rajah 1.1, penyelidik dapati teori-teori yang dikemukakan oleh empat orang pengasas modul mengatakan cara pembelajaran (*learning mode*) yang



paling sesuai untuk para pelajar supaya pembelajaran lebih berkesan dan produktif adalah melalui pengajaran bermodul.

Oleh itu, bagi membuktikan teori tersebut, penyelidik telah menghasilkan MPP untuk kegunaan pelajar dalam pembelajaran. Ini bertujuan membantu para pelajar belajar serta menambah bahan pembelajaran kepada mereka. Modul tersebut juga boleh digunakan oleh pensyarah dalam pengajaran kemudian dibuat penilaian terhadap unit-unit kandungan berdasarkan penguasaan pelajar.



Rajah 1.1 : Keberkesanan Pengajaran Bermodul

Sumber:

David Warwick. (1988). "Teaching and Learning Through Modules." Oxford England: Basil Blackwell Ltd.

Sharifah Alwiah Alsagoff. (1987). "Teknologi Pengajaran - Konsep Asas dan Pendidikan Sistem." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Shaharom Bin Noordin dan Dr Yap Kueh Chin. (1991). "Ke arah Mengindividukan

Pengajaran Menerusi Pengajaran Bermodul.” *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 7. hlm 89 – 105.

Shaharom Bin Noordin dan Dr Yap Kueh Chin. (1992). “Mereka bentuk dan Menilai Modul Pengajaran Kendiri (MPK).” *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 8. hlm 17- 44.

## 1.7 Hipotesis Kajian

Melalui kajian tersebut penyelidik telah membuat andaian dalam hipotesis bahawa:

### **Hipotesis Nul ( $H_0$ ) :**

Tidak terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan oleh pelajar sebelum dan selepas menggunakan kaedah pembelajaran modul.

### **Hipotesis Alternatif ( $H_1$ ) :**

Terdapat perbezaan pencapaian yang signifikan oleh pelajar sebelum dan selepas menggunakan kaedah pembelajaran modul.

## 1.8 Kepentingan Kajian

### 1.8.1 Pensyarah dan Pelajar di Politeknik

Rekaan modul ini memberi kepentingan kepada pensyarah supaya P&P dapat dipertingkatkan dan menjadi lebih terancang. Ini membolehkan pengajaran mereka lebih berkesan dan memudahkan kefahaman pembelajaran kepada pelajar-pelajar di politeknik.



## RUJUKAN

Abdul Rahim Mohd Saad (1996). "Mereka bentuk teks pengajaran secara efisien dan efektif." Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Abd Rahman Daud (1997). "Teknologi pendidikan – konsep, peranan & perkembangan." Selangor: Edusystem.

Ab.Rahim Selamat (1999). "Teknologi sistem pengajaran." Petaling Jaya Selangor: Penerbit Fajar Bakti.

Abd Rahim Abd Rashid (2000). "Wawasan & Agenda pendidikan." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Berita Harian (1998). "Media masih kurang digunakan." 24 Oktober 1998.

Chee Kim Mang (1996). "Pandangan pelajar terhadap kaedah pengajaran guru Prinsip Akaun, Perdagangan dan Ekonomi Asas di beberapa buah sekolah menengah di Pulau Pinang." *Jurnal Pendidikan Gerak*. **Bil 7**. hlm 1-5.

Chiam Heng Keng (1985). "Masalah remaja dan penyelesaiannya." *Jurnal KPM*. **Jilid XXIX**. hlm 20-25.

David Warwick (1988). "Teaching and learning through modules." Oxford England: Basil Blackwell Ltd.

Ee Ah Meng (1997). "Pedagogi II, perlaksanaan pengajar." Shah Alam: Fajar Bakti.

"Ensiklopedia Global" (2001). **Jilid 18-19**. Edisi Milenium 2001. Kuala Lumpur: Smart Genie Corporation Sdn Bhd.

"Ensiklopedia Malaysiana" (1996). **Jilid 9**. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.  
Fred Percival dan Henry Ellington (1994). "Buku panduan teknologi pendidikan."

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Terjemahan Noran Fauziah Yaacob.

Habibah Elias, Zaidatul Akmaliah Lope Pihie & Rahil Hj Mahyuddin (1995). "Persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran." *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*. **Jilid 14**. hlm 1-9.

Lau Too Kya (1994). "Statistik asas ITM." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (1998). "Pengurusan perkhidmatan personalia murid." Shah Alam: Siri kursus pengajian tinggi cerdik-cerdik Publication Sdn.Bhd.

Mohd Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan pendidikan." Johor: Fakulti Pendidikan UTM.

Mohd Sarif Abd Manaf (1994). "Penggunaan alat media teknologi pendidikan dlm P&P". *Warta Pendeta*. Jabatan Pendidikan Terengganu. Bil 1 **Jilid 1**. hlm 1-25

Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir (2001). "Pengenalan kepada analisis data berkomputer SPSS 10.0." Kuala Lumpur: Venton Publishing.

Omardin Ashaari (1999). "Pengajaran kreatif untuk pembelajaran aktif." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Poh Swee Hiang, Mokhtar Affendi Amran & Tajuddin Hassan (1996). "Pengurusan sumber pengajaran pembelajaran 2- sumber teknologi." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Patton, M. Q. (1990). "Qualitative evaluation and research methods". 2nd.ed. United States of America: Sage Publications.

Razali Nor (1994). "Teknik pendidikan 1 - media bukan unjuran." Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Shaharom Bin Noordin & Dr Yap Kueh Chin (1991). "Ke arah mengindividukan pengajaran menerusi pengajaran bermodul." *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 7. hlm 89 – 105.

Shaharom Bin Noordin & Dr Yap Kueh Chin (1994). "Kesan kaedah pengajaran bermodul ke atas pencapaian akademik pelajar tingkatan empat dalam kajian rintis." *Jurnal Pendidikan KPM*. Kuala Lumpur: Terbitan Jemaah Nazir sekolah Persekutuan KPM. **Jilid 38**. Keluaran 80.hlm 1- 9.

Shaharom Bin Noordin & Dr Yap Kueh Chin (1992) . "Mereka bentuk dan menilai modul pengajaran sendiri (MPK)." *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 8. hlm 17-44.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). "Teknologi pengajaran." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Taylor, S.J and Bogdan, R. (1998). "Introduction to qualitative research methods, a guide book and resource." 3rd.ed. Canada: John Wiley & Sons,Inc.

Yaakub Isa (1996). "Almanak pendidikan." Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.

Zaharatul Akmar Ahmad Zainuddin (2000). "Pandangan pensyarah dan siswa-siswi terhadap penggunaan peta minda dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO)." Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Projek sarjana pendidikan

